

# Pulihara air sungai

RABU 11 JULAI 2012 • 21 SYAABAN 1433H

"Oleh itu, marilah kita sama-sama memikir cara (untuk memuliharakannya) dan bukan sekadar hendak membuat projek hidro elektrik semata-mata."

PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD  
Ketua Menteri Sarawak

LUCIA JOHN

KUCHING, Selasa — Semua pemain industri, tidak kira dalam bidang kejuruteraan dan sebagainya perlu memikirkan cara untuk memulihara air sungai Sarawak kerana dalam tempoh tertentu ia sangat berguna untuk mengatasi masalah perubahan iklim.

Menurut Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, bagi pihak berkenaan, mereka tidak sepatutnya memikirkan air sebagai 'modal pelaksanaan' projek hidro elektrik semata-mata sebaliknya terus berusaha untuk memulihara dan mengawal jumlah air yang ada ketika ini.

"Kita mempunyai terlalu banyak air sehinggalah sungai di tempat tertentu terbiar begitu sahaja. Ini adalah sesuatu yang kita tidak mahu hilang dan memerlukan pengawalan teliti daripada sesetengah pihak.

"Oleh itu, marilah kita sama-sama memikir cara (untuk memuliharakannya) dan bukan sekadar hendak membuat projek hidro elektrik semata-mata," katanya berucap merasmikan Persidangan Kejuruteraan (ENCON) 2012 anjuran Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, hari ini.

Menurutnya, adalah tidak rugi untuk Sarawak berjinak-berjinak dalam pemuliharaan itu kerana dalam tempoh tertentu ia berguna untuk mengatasi masalah kemarau.

"Dengan perubahan iklim, kita harus ada pelan jangka masa panjang agar bila kemarau kita tidak bersusah payah mencari bekalan air," katanya.

Pehin Sri Taib menambah, lagipun Sarawak juga pada ketika ini berusaha untuk memastikan pembangunan yang dirancang seimbang dengan pemuliharaan alam sekitar bagi memastikan generasi akan datang berupaya untuk melihat keindahan negeri ini.

"Dalam fasa pembangunan kedua negeri ini kelak, konsep pemuliharaan terus dimantapkan bagi memastikan generasi baru dapat melihat wajah sebenar alam sekitar dan sebagai tanda komitmen ke arah itu, kita sudah mengadakan beberapa perjanjian dengan Universiti Swinburne Australia.

"Kita mahu mereka menjalankan kajian; dalam usaha Sarawak hendak menjadi pengeluar tenaga hidro elektrik terkenal, ia masih boleh mengekalkan kehijauan alam sekitar. Maknanya, kita menggunakan teknologi hijau," katanya.

Terdahulu, persidangan yang diadakan selama tiga hari itu memasuki siri kelimanya tahun ini, tetapi memandangkan serius isu teknologi hijau dan juga pembangunan lestari.



SIDANG BERMULA ... Pehin Sri Taib Mahmud bersalam dengan peserta dari luar negara yang menghadiri Persidangan Kejuruteraan (ENCON 2012) yang diadakan di Kuching, semalam. • NORDIN MD DIAH

## Pulihara air sungai

DARI MUKA 1

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Khairuddin Abdul Hamid berkata lebih 140 kertas kerja diterima daripada seluruh dunia kali ini, merangkumi peserta dari Australia, Kanada, China, Jerman, Greece, India, Indonesia, Iraq, Iran, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom dan sebagainya.

"Saya percaya bahawa tema "Kejuruteraan Ke Arah Perubahan - Memperkasakan Penyelesaian Hijau" adalah tepat pada masanya dan sesuai dalam konteks Sarawak.

"Oleh itu, selaras dengan usaha ini, beberapa perkara utama akan ditumpukan dan dibincang dalam persidangan ini termasuk pembangunan mapan, sistem pengangkutan hijau, geoteknikal dan geo-kejuruteraan alam sekitar dan kecekapan tenaga," katanya.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Inovasi) UNIMAS Profesor Dr Peter Songan, Dekan Fakulti Kejuruteraan UNIMAS Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim serta Pengerusi Penganjur ENCON 2012 Dr Delsye Teo Ching Lee.